

06/03/1998

Bank hadapi masalah dibantu

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan menyuntik modal baru kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) jika perlu, bagi memastikannya terus hidup dan mampu melaksanakan proses pemulihan semula.

Malah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan juga bersedia membantu bank lain yang bermasalah bagi membolehkan mereka melaksanakan proses pemulihan sendiri.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan sedia berbuat demikian kerana masalah yang timbul bukan berpunca daripada kesalahan bank berkenaan atau pengurusannya teruk.

Sebaliknya, ia berpunca daripada penurunan nilai mata wang akibat permainan spekulasi sehingga menyebabkan nilai modal dan saham bank terbabit 'dikurangkan' secara mendadak.

"Ini bukan usaha menyelamatkan. Ini adalah sokongan biasa yang harus diberi oleh kerajaan kepada mana-mana institusi yang memegang amanah rakyat. Jadi, jika kerajaan tidak memberi sokongan, institusi itu akan jatuh dan rakyat menderita.

"Oleh itu, wajar kita memberi mereka sokongan mencukupi bagi membolehkan mereka terus hidup. Kita tidak mahu orang ramai kehilangan wang sedangkan ia bukan salah bank tetapi ada orang menurunkan nilai mata wang dan saham dalam bank," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kayu Balak Antarabangsa 1998, di sini hari ini.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don, kelmarin berkata, BBMB yang majoriti ekuitinya dimiliki kerajaan, memerlukan suntikan modal RM750 juta untuk kekal bergerak mengikut matlamatnya.

Selain itu, Sime Bank Bhd (Sime Bank), anggota kumpulan konglomerat Sime Darby Bhd, memerlukan suntikan modal minimum RM1.2 bilion, berikutan kerugian sebelum cukai RM1.57 bilion yang dicatatkan dalam tempoh enam bulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1997.

Dua syarikat kewangan iaitu Abrar Finance Bhd (Abrar Finance) dan Cempaka Finance Bhd (Cempaka Finance) pula, masing-masing mungkin memerlukan suntikan modal RM7 juta dan RM25 juta.

Mengenai kemungkinan BBMB akan diswastakan bagi mengurangkan bebanan kerajaan, Perdana Menteri berkata, ia adalah bank kerajaan dan kerana itu, tanggungjawab berkenaan tidak boleh diserahkan kepada sektor swasta, apa lagi dalam keadaan sekarang.

"Langkah itu mempunyai kos. Jadi, kita harus menyokong bank kita dan kita mempunyai keupayaan untuk membantunya," katanya.

Dr Mahathir juga menganggap bank yang menghadapi masalah adalah institusi yang teguh sebelum ini tetapi apabila kewangan mereka 'diserang teruk', mereka menderita.

Menurutnya, banyak pihak yang mahu bank dan syarikat di negara ini ditutup.

"Jika ada usaha kerajaan untuk membantu BBMB, ia akan dituduh membuat langkah menyelamatkan. Ini bukan langkah menyelamatkan. Selamatkan adalah memberi sokongan kepada sesuatu tidak mempunyai nilai. Tetapi, ini adalah institusi yang mempunyai nilai yang baik.

"Kita tidak menyuntik dana berlebihan untuk memberi mereka keuntungan, tetapi hanya berusaha membantu mereka memulihkan diri sendiri," katanya.

(END)